

## Politik Melayu: Konsep “Negara Islam” UMNO dan PAS

KAMARUDIN HAJI SALLEH

### ABSTRAK

*Artikel ini berusaha menafsir dan memeriksa konsep “negara Islam” yang dianjurkan oleh parti UMNO dan PAS yang panas dibincang dan hangat didebat tanpa kesudahan mutakhir ini. Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamed dalam bulan September 2001 mengumumkan Malaysia adalah “negara Islam” menolak kefahaman dan pegangan parti PAS yang meneliti sebaliknya. Pengumuman ini memang menimbulkan konfusi dan kontroversi di kalangan Muslim dan bukan Muslim hingga membawa kepada wujudnya beberapa golongan sama ada a. bersetuju (ahli-ahli UMNO), b. menolak (ahli-ahli PAS) dan c. tidak pasti kedudukan sebenarnya (kelompok besar masyarakat awam). Timbulnya perspektif ini kerana kekeliruan dan kecaburan kefahaman yang menyentuh konsep dan idea “negara Islam” itu sendiri, sama ada dengan merujuk kepada definisi tepatnya, kriteria dan ciri, doktrin asas, kedudukan syariah (undang-undang Islam) dan konstituensi (perlembagaan) Malaysia sendiripun. Bahkan terdapat sarjana yang menyatakan bahawa penamaan “negara Islam” adalah sesuatu yang baru, tidak ada dalam sejarah awal Islam. Di sebalik itu, pada November tahun 1993, Kod Jenayah Syariah Kelantan (II) telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan (Undang-undang Hudud) tetapi ditolak oleh Kerajaan Pusat pelaksanaannya atas alasan ianya Undang-undang Hudud PAS, bukan Undang-undang Hudud Islam, makin mengeruhkan hubungan kedua-duanya. Beberapa aspek kekeliruan ini akan cuba diwacanakan dan pada peringkat awalnya, mengemukakan perbahasan terminologi “negara Islam” dan pengkategorian hubungan agama adan negara dalam politik semasa dan Islam, sebagai langkah awal memahami persoalan ini.*

### ABSTRACT

*This article attempts to examine and interpret the concept of “Islamic state” between UMNO and PAS which grew a hot and unending debate among Malaysians. Prime Minister Tun Dr. Mahathir Mohamed on September 28, 2001, announced that Malaysia is already an “Islamic state” rejecting PAS’s claim that Malaysia is not an “Islamic state”. This announcement caused some degree of confusion and apprehension among Muslims and non-Muslims. At least, it divided the Malaysians into three groups; a. the members of UMNO*

*agreed, b. the members of PAS rejected and, c. those who were uncertain whose number was probably greater than the agreed and rejected groups. Many questions arose concerning the conceptual understanding of the idea of “Islamic state” such as the bases or principles of the state, the current constitution of Malaysia, the status of Shari’ah (Islamic laws including hudūd) and so on. PAS accused the UMNO’s Islamization as cosmetics, long on symbolism but short on substance which totally contradicted the new stand that Malaysia is an “Islamic state”. This stands also contrary to the event in 1993, when PAS tabled the hudūd legislation in Kelantan, and the UMNO dismissed the legislation accusing that it was a PAS’s law rather than Islamic one. The UMNO advocated a moderate and modernist stance with regard to Islam, and disagreed with the PAS’s call for an “Islamic state”. It is very clear that, in Malaysia, Islam is used to consolidate political power as shown by the UMNO, while for PAS, Islam is used to challenge and capture power. This article also, in early section, discusses the terminology of Islamic state and the typology of relation between religion and state in Islam, in order to get a full grasp of the topic.*

## PENDAHULUAN

Wacana sengit, hangat, penuh polemik dan kontroversi berhubung isu “negara Islam” Malaysia telah berlaku di kalangan sarjana, ulama dan ahli politik, bermula secara khususnya apabila Dr. Mahathir yang ketika itu Perdana Menteri mengisyiharkan “Malaysia negara Islam”, sewaktu berucap di Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Ke-30 Parti Gerakan Rakyat Malaysia, pada 29hb. September 2001. Katanya, “UMNO ingin menyatakan secara terang-terangan bahawa Malaysia adalah “negara Islam”. Pendapat ini berasas kepada pendapat ramai daripada ulama di zaman dahulu yang telah menjelaskan apa dianya “negara Islam”. Untuk pengetahuan umum seorang ulama telah menulis buku bertajuk “Malaysia adalah negara Islam”. Pengisytiharan ini dibuat katanya atas cabaran Presiden PAS, supaya UMNO mengumumkan demikian, dengan harapan bahawa apabila ini dilakukan, rakan-rakan bukan Islam dalam Barisan Nasional akan menentang UMNO seperti DAP menentang PAS atas cadangan PAS mendirikan negara Islam di Malaysia. Dr. Mahathir terus berhujah menggunakan rasionaliti bahawa, dalam dunia sekarang terdapat lebih kurang 50 buah negara yang diterima dan diiktiraf sebagai negara Islam. Mereka diterima sebagai ahli OIC, walaupun ada dalam OIC sesebuah negara yang bukan Islam tetapi ada penduduk yang ramai terdiri daripada orang Islam. Penyelidikan yang telah dibuat menunjukkan bahawa hampir semua dari negara Islam ini tidak dapat melaksanakan hukum hudud. Namun mereka masih dianggap dan mereka mengakui bahawa negara mereka adalah negara Islam. Oleh itu apabila kita mendakwa bahawa Malaysia adalah negara Islam kita memang mempunyai hak untuk berbuat demikian. Jika Malaysia bukan negara Islam kerana tidak melaksanakan hudud, maka dalam dunia ini tidak ada negara Islam kerana semua

negara yang dikatakan negara Islam juga tidak dapat melaksanakan hudud (Mahathir 2001).

Semua maklum bahawa dengan pengisytiharan tersebut membawa kepada diskusi dan reaksi pro dan kontra terutamanya di antara UMNO dan PAS serta beberapa pihak lain dari dunia akademia dan masyarakat umum. Secara logiknya setiap pihak mestilah mempunyai hujah dan alasan yang munasabah dan kuat. Maksudnya, pihak yang mendakwa Malaysia negara Islam, apa hujahnya? Pihak yang mendakwa Malaysia bukan negara Islam (Sekular), apa alasannya? Di samping itu terdapat pula pandangan ketiga yang menganggap Malaysia bukan negara Islam dan bukan negara juga sekular, maka apa buktinya dalam hal ini? Adakah pendapat-pendapat yang berselisih ini bertepatan dengan pandangan-pandangan ulama muktabar? Kontradiksi total pengisytiharan di atas merumitkan masyarakat awam Malaysia yang rata-ratanya keliru dengan “permainan politik” kerajaan-pemerintah dan pembangkang. Pastinya mereka mahu mencari kejernihan dan kemurnian dari isu ini, lebih dari strategi dan propaganda kepentingan parti kerajaan dan pembangkang semata-mata. Reaksi awal bercorak penentangan, untuk penilaian, diutarakan komentar Dato’ Nik Abdul Aziz, Mursyidul Am PAS dan Menteri Besar Kelantan yang menyifatkan terdapat suasana yang menongkah arus pada akhir-akhir ini menyentuh perkembangan Islam di Malaysia, di mana sepanjang hampir 50 tahun, Islam yang dimomok-momokkan tidak berupaya oleh pihak tertentu, tiba-tiba pihak itu juga telah mengesahkan bahawa dialah pula pejuang Islam yang sebenar. Dia telah Islam, malah terlebih Islam. Mungkin setelah puas mengambil sikap menyanggahi arus Islam yang kian hari semakin sulit, mereka lalu menyertai arus itu untuk dipesongkan aliran ke destinasi yang dia sendiri pun tidak pasti akan arah tujuanya. Sehingga Dato’ Nik Abdul Aziz ada mengibaratkan tentang pergolakan negara Islam ini, “nak dipanggil sebuah kereta sorong itu (sebagai sebuah) Mercedez memanglah boleh. Tidak apa” (Annual Bakri dan Kamarul Zaman 2002: vii-viii).

Bertolak dari kenyataan kedua-dua tokoh penting dan utama parti terbesar Melayu tadi, maka artikel ini berusaha memeriksa dan menganalisis isu secara objektif, seimbang dan kritikal, tidak terperangkap dengan kehendak kerajaan atau jatuh ke dalam sentimen pembangkangan atau “bangkangisme” pembangkang. Perlu difahami bahawa dalam konteks Malaysia, setiap perubahan dan perkembangan politik Melayu, khususnya UMNO pasti memberikan implikasi besar kepada halatuju dan matlamat politik negara atau Malaysia sekaligus. Bangsa Melayu yang menjadi tonggak atau tulang belakang politik negara atau kerajaan adalah titik fokal kepada struktur dan sistem perpolitikan negara dan sekiranya berlaku satu-satu perubahan mendadak aspek dasar dan polisi pada politik Melayu pastinya memberi kesan kepada orang Melayu dan bangsa serta negara Malaysia di kemudian harinya.

Tulisan ini akan menganalisis perbezaan dan kelainan dimensi *framework* “negara Islam” dalam perspektif UMNO dan PAS yang merangkumi persoalan

seperti pentakrifan, ciri dan kriterianya, status hukum syariah dan hudud, sumber perundangan dan perlombagaan negara. Di samping itu, dalam bahagian permulaannya dibentangkan secara ringkas persoalan hubungan di antara agama dan negara dalam Islam dan kaitannya dengan kerangka konsep “negara Islam” UMNO dan PAS. Akhirnya impak pendekatan dan pemahaman kedua-dua parti itu terhadap perkembangan politik dan Islam di Malaysia.

#### KERANGKA KONSEP “NEGARA ISLAM”

Sarjana Muslim dan bukan Muslim umumnya dan secara spesifiknya dari kelompok modenis dan liberalis menerima hakikat bahawa tidak terdapat satu kerangka teori negara Islam yang komprehensif dan “jami’ wa mani’” telah dikemukakan oleh mana-mana ulama sebagai *blueprint*, yang khusus. Ini adalah kerana kerencaman dan kepelbagaiannya pendapat tentang bentuk negara itu sendiri.

Sebagai landasan perbincangan intelektual mengenai istilah dan konsep negara Islam itu, telah banyak tema dan persoalan yang telah ditimbulkan. Antaranya, apakah wajib atau tidak kaum Muslimin mendirikan negara?, apakah kewajiban itu berdasarkan wahyu atau akal?, bagaimanakah bentuk dan susunan negara?, siapakah yang berhak untuk menduduki jawatan ketua negara?, bagaimanakah kedudukan atau posisi syariah di dalam negara dan lain-lainnya. Diikuti pula persoalan apakah “agama harus bersatu dengan negara” ataukah “harus dipisahkan”?, bagaimana sistem dan mekanisme pemerintahannya? bagaimana kedudukan warganegara bukan Muslim dan sebagainya lagi.

Perlu diingatkan dalam hal ini bahawa istilah “negara Islam” sama sekali tidak dinyatakan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah (JAKIM 2001:21). Hujah inilah kemudiannya dikembangkan oleh kalangan pemikir yang seringkali dilabelkan sebagai modenis. Kelompok modenis ini kurang mementingkan simbol-simbol formal yang bersifat distinktif seumpama sebutan “negara Islam” atau “dasar negara adalah Islam”. Jadi, mereka cuba mengkritik dan mempertikaikan bukan sahaja nama dan pelabelan “negara Islam”, bahkan mereka berpegang pada hakikat bahawa istilah negara Islam itu tidak ada dalam al-Qur'an dan Hadith sebagaimana dalam pendefinisan moden: “menurut aliran ini, istilah negara (dawlah) pun tidak dapat ditemukan dalam al-Qur'an. Meskipun terdapat berbagai ungkapan dalam al-Qur'an yang merujuk atau seolah-olah merujuk kepada kekuasaan politik dan otoriti, akan tetapi ungkapan-ungkapan ini hanya bersifat tidak sengaja dan tidak ada tempatnya bagi sesuatu “teori politik”. Bagi mereka jelas al-Qur'an bukanlah buku tentang “ilmu politik” (Bahtiar Effendy 1998:13, Khan 1985:3). Tegasnya bukan sahaja “perkataan negara Islam atau pemerintahan Islam (*al-dawlat al-Islāmiyyah* atau *al-hukūmat al-Islāmiyyah*), malah perkataan *al-dawlah* atau *al-hukūmah* sahaja pun tidak terdapat dalam al-Qur'an (Ismail 1993:390) atau Hadis yang dengan kukuh menyebutkan pemerintahan atau negara di dalam Islam” (Yusril Ihza 1989:30).

Perkataan *state* atau *dawlah* hanya mula digunakan pada awal abad ketujuh selepas Hijrah yang merujuk kepada kelahiran regim Abbasiyah (132-646H) setelah dapat menjatuhkan regim Umayyah (41-132H), dengan itu lahirlah sebutan *dawlat al-Abbāsiyyah*. Bagi Rosenthal, setelah berpandukan pandangan Ibn Khaldun menyebutkan "Islamic mulk" iaitu negara yang konstitusinya bercampur berasaskan shariah dan undang-undang politik pemerintah, berbeza dengan khilafah yang bersumberkan syariah Islam sepenuhnya (Rosenthal 1965:xi). Manakala label "negara Islam" pula muncul pada zaman moden, sekitar kurun ke-19; iaitu istilah alternatif dalam menyoroti kehancuran sistem khilafah yang disebut "al-dawlat al-Islamiyyah".

... the crisis over the Caliphate had one subsidiary, doctrinal result; it introduced the idea of the Islamic state as an alternative to the Caliphate, which was now being declared, either implicitly or explicitly, not only by the Turkish secularists but also by Muslims of such diverging outlook as 'Abd. Al-Raziq, Rashid Ridha and the Ulama of al-Azhar to be impossible of resuscitation.

Dalam al-Qur'an, terdapat istilah negara yang baik, penuh pengampunan Tuhan (baldatun tayyibatun warabbun ghafur) bukannya *dawlat al-Islamiyyah* atau *Islamic state* (Abdurrahman 1999:64). Prinsip yang sealiran dengan pemikir modenis. Kalangan ini selalu menimbulkan pertanyaan mengapa al-Qur'an tidak membincangkan soal yang penting begini? Malahannya akan sia-sia sahajalah sebarang usaha mencari konsep tentang negara secara yang terurai atau yang tidak terurai dalam al-Qur'an. Dengan kata lain, al-Qur'an tidak memberikan suatu pola teori kenegaraan yang komprehensif yang harus diikuti oleh umat Islam di mana-mana. Ahmad Syafi Maarif (1985:16) mencatatkan dua alasan besar, pertama al-Qur'an secara dasarnya adalah petunjuk etika bagi manusia dan bukan kitab ilmu politik, keduanya, sifat institusi-institusi sosio-politik dan organisasi manusia selalu berubah dari masa ke masa. Jadi tidak perlukan pembakuan kriteria dan penditilan huraianya.

Corak dan bentuk pemikiran yang diasaskan oleh pemikir-pemikir modenis ini, nampaknya diterima dan dipersetujui oleh pemimpin dan ahli UMNO selaras dengan apa yang mereka laksanakan di Malaysia iaitu di mana takrif, sifat dan ciri-cirinya layak untuk meletakkan Malaysia dalam situasi yang positif untuk digelar negara Islam. Rumusan ini adalah sejarah dengan pengumuman Dr. Mahathir di atas. Namun yang sedikit malang dalam hal ini ialah kenapakah konsepsi dan pemahaman seperti ini hanya muncul sekarang dan pengisytiharan juga baru sahaja dilakukan. Sedangkan secara logiknya, sudah terdapat sejak sekian lama segala persyaratan yang longgar dan mudah pada takrif dan ciri untuk melabelkan Malaysia negara Islam sebagaimana yang selaras dengan pendefinsian sebilangan tokoh ulama awal. Apakah para ulama Malaysia tidak menyadarinya? Atau pun ianya lebih kepada strategi politik semasa UMNO seperti yang ditelah oleh Dato' Nik Aziz dalam petikan sebelum ini.

### TIPOLOGI HUBUNGAN AGAMA DAN NEGARA

Secara kerangka konseptualnya terdapat paling kurang tiga paradigma hubungan agama dan negara seperti yang diutarakan Prof. Dr. M. Din Syamsuddin: "... dalam pemikiran politik Islam, paling tidak terdapat tiga paradigma tentang hubungan agama dan negara" Pertama, bersatunya agama dan negara. Ini memberi pengertian bahawa agama dan negara itu berintegrasi, tidak dapat dipisahkan. Wilayah agama meliputi politik atau negara dan negara merupakan lembaga politik dan keagamaan serentak. Pemerintahan negara diuruskan atas dasar "kedaulatan Ilahi" (divine sovereignty), kerana memang kedaulatan itu berasal dan berada di "tangan" Tuhan. Paradigma ini dianut oleh kelompok Syiah dan "fundamentalisme Islam" yang disebutkan tokohnya al-Maududi. Dalam kategori pertama ini, jika dianalisis secara terperinci terdapat dua kecenderungan berbeza dari sudut kaedah mencapai cita-cita dan tujuannya. Yang pertama ialah kumpulan yang menyakini penyatuan agama dan negara secara lebih rigid dan tidak mahu bertolak ansur, bahkan sanggup menempuh apa kaedah, termasuklah mengangkat senjata demi terlaksananya matlamat mereka. Contoh mudahnya, perjuangan Darul Islam (DI) di Indonesia yang dipimpin S.M. Kartosuwirjo. Satu pihak lagi masih berpegang dengan dasar yang sama, namun untuk mencapainya mestilah menggunakan cara yang bijaksana dan demokratik, sama sekali tidak boleh dengan jalan yang merosak dan memusnahkan. Parti Masyumi, pimpinan Pak Natsir dapat dikelompokkan dalam kategori ini dan PAS di Malaysia mempunyai pendekatan yang mirip sama.

Keduanya, paradigma bersifat sekularistik yang jelas menolak adanya hubungan agama (Islam) dan negara. Agama hanya membicarakan hubungan spiritual antara manusia dengan Tuhan dan tiada kaitan langsung dengan urusan kehidupan manusia di dunia. "Agama suku, politik suku" atau pemisahan antara agama dan negara adalah istilah popular menggambarkan kecenderungan kumpulan ini satu waktu dahulu di negara kita. Disebutkan 'Ali 'Abd. al-Raziq sebagai pelopor kecenderungan ini dan disokong oleh Taha Husein dan segelintir orientalis.

Ketiganya, paradigma yang memandang agama dan negara berhubungan secara simbiotik iaitu timbal-balik dan saling memerlukan. Paradigma ini boleh dianggap "jalan ketiga atau tengah" antara kedua-dua sebelumnya. Kumpulan ini disebut substansialis yang mengagasi bahawa dalam agama terdapat nilai-nilai *substance* dan *universal* yang berupa aspek etika dan moral bernegara serta kehidupan bermasyarakat namun ianya tidaklah berbentuk formalistik dan legalistik. Menurut M. Din Syamsuddin, pandangan ini boleh ditemukan dalam pemikiran ulama klasik seperti al-Mawardi, al-Ghazali dan ulama-ulama moden termasuklah Nurcholish Madjid, Munawir Syadzali, Abdurrahman Wahid dan lain-lain lagi.

Berdasarkan tipologi umum ini terdapatlah perbezaan tafsiran dan pemahaman berhubung dengan negara Islam antara kedua-dua parti tersebut. UMNO pada waktu mutakhir ini sama sekali menolak pelabelan bahawa Malaysia adalah negara sekular berlandaskan fakta bahawa, kerajaan secara berterusan dan sistematik berusaha mempromosikan nilai-nilai Islam dalam urusan kerajaan, pentadbiran dan masyarakat sedangkan negara sekular itu dipersepsikan sama sekali menolak kepercayaan kepada Tuhan, hari akhirat dan pemisahan dunia dan akhirat secara total (JAKIM 2001:25). UMNO dalam soal ini kelihatannya lebih cenderung mentafsirkan perjalanan dan perlaksanaan hukum-hukum syariah (Allah) mengenai peraturan-peraturan moral yang umum sifatnya berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah, dan tidaklah berupa hukum-hukum syariah khusus yang terdapat dalam perundangan Islam. Sekiranya mahu dilaksanakan juga, maka ianya mestilah dibuat secara beransur-ansur dan memerlukan masa yang panjang. PAS sebagai pesaing UMNO, tidak dapat menerima pendirian ini dengan mempersoalkan peruntukan-peruntukan perundangan yang tidak ada kerana tanpa peruntukan undang-undang, mustahil untuk dilaksanakan. Di samping proses perubahan ke arah itu tidak jelas dan serius serta dari sudut jangka masanya pun telah menghampiri 50 tahun, tetapi masih tidak ke mana-mana dari aspek syariah dan perundangan Islam tersebut.

Sehubungan dengan isu ini, Profesor Madya Shukri Mohamad dalam artikelnya berjudul *Negara Islam Malaysia: Satu Huraiyan Ilmiah* adalah menarik diteliti, di mana mendiskusikan permasalahan ini kepada pertamanya

- i. Apakah metode ulama UMNO mendakwa negara Malaysia sebagai negara Islam?
- ii. Bagaimanakah pula konsep negara Islam yang dibawa oleh PAS dan apakah hujah mereka bahawa Malaysia bukan negara Islam?
- iii. Apakah kaedah yang digunakan oleh ulama Islam silam dalam mentakrifkan sebuah negara Islam, negara kufur atau negara musuh dan negara yang membuat perjanjian dengan negara Islam?
- iv. Analisis dan penilaian terhadap metode yang digunakan oleh UMNO dan PAS
- v. Sejauh mana kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan?
- vi. Apakah sebenarnya status negara Malaysia menurut pandangan ilmu politik Islam? dan apakah sikap politik Islam terhadap polemik ini?

#### DISKUSI KONSEP "NEGARA ISLAM" UMNO

Beberapa ulama UMNO (kerajaan) telah berusaha menjustifikasi kebenaran dan ketepatan yang memihak kepada Malaysia negara Islam. Di antara mereka ialah Dato' Wan Zahidi Wan Teh (Mufti Wilayah Persekutuan), Dato' Nakhaie Ahmad (Ketua Pengarah YADIM), Dato' Dr. Faisal Othman, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman, Dato' Dr. Ismail Ibrahim, Ustaz (Dr.) Uthman al-Muhammady

dan Dato' Mohd Shahir Abdullah. Antara kaedah yang digunakan oleh Nakhai (2001:8) dan Wan Zahidi (2000:4) ialah: (a). Membentuk asas teori negara Islam menurut tafsiran dan pandangan Abu Hanifah dan beberapa fuqaha lain, (b). Menggunakan metode qias, (c). Menggunakan metode pengukuhan dan pengesahan secara penyifatan ciri-ciri (tawsif), (d). Menggunakan metode perlembagaan negara, (e). Menggunakan metode akal dan logik, (f). Menggunakan metode *munaqasah* dan menolak hujah pihak lawan (Shukri 2002:15).

Untuk membahaskan secara terperinci semua persoalan-persoalan di atas memerlukan ruang yang panjang, namun dibentangkan beberapa isu utama bagi memahami persoalan sebenar. Metode teori negara Islam yang dipetik dari pandangan para fuqaha dan tafsiran mereka. Takrif negara Islam oleh Muhammad bin Hasan al-Syaibani (murid Abu Hanifah) yang disebut oleh al-Kasani: "Negara yang dikuasai dan diperintah oleh umat Islam dan orang-orang Islam menikmati keamanan dan keselesaan di dalamnya" Muhammad Abu Zuhrah: "Negara Islam ialah negara yang berada di bawah kuasa pemerintahan orang Islam. Kekuatan dan pertahanannya dikuasai orang Islam. Negara sedemikian wajib dipertahankan oleh setiap individu Muslim" (JAKIM 2001:22).

Selain daripada mentakrifkan ciri-ciri negara Islam, Imam Abu Hanifah menjelaskan tiga ciri negara bukan Islam untuk mengesahkan status negara selain itu sebagai negara Islam (mafhum mukhalafah) iaitu: a. Undang-undang bukan Islam dilaksanakan di negara itu, b. Negara itu tidak mempunyai hubungan langsung dengan orang Islam. Malah dari segi geografinya negara itu terpisah dari negara Islam. Kalau negara bukan Islam itu mempunyai hubungan dan di kelilingi oleh kawasan Islam, ia bukan *dar al-harb*, dan c. Di negara itu tidak ada walau seorang Islam pun ataupun warganegara bukan Islam yang dilindungi di sisi undang-undang supaya dapat hidup dalam aman sebagaimana pada zaman awal Islam (Mohd. Rumaizuddin 2004:66). Abu Hanifah melihat sandaran kepada negara Islam dan kufur bukan kerana zat Islam atau kufur, tetapi aspek keamanan dan ketakutan. Jika wujud keamanan bagi orang Islam secara mutlak dan ketakutan bagi orang kafir secara mutlak, maka ia adalah negara Islam. Begitulah sebaliknya bagi negara kufur, di mana ketakutan bagi orang Islam. Rumusannya, pandangan ini melihat kepada majoriti penduduk Islam dan keamanan negara Islam, sekalipun undang-undang Islam tidak dilaksanakan sepenuhnya. Pendapat Abu Hanifah ini menurut tokoh-tokoh ulama UMNO adalah lebih sesuai dipakai dalam suasana semasa kerana lebih mudah menentukan identiti negara Islam iaitu, berdasarkan kemajoritian penduduknya, pemimpin negaranya dan iklim keamanan dan kebebasan dalam hal-hal asasi sebagai manusia.

Metode kedua yang digunakan oleh mereka itu ialah qias. Perkara ini dapat dilihat melalui kenyataan Nakhai: "Keadaan yang terdapat di dalam dunia Islam setelah berlalu zaman khulafa' al-Rasyidin tidak lagi sebagaimana keadaan di zaman *muthali* itu. Kualiti kepimpinan lebih rendah, keadaan masyarakat

yang berperang sesama sendiri dan berpecah belah, kestabilan politik dan perpecahan yang berlaku tidak menghilangkan status negara sebagai negara Islam. Tidak sesiapa pun di kalangan ulama Islam dahulu dan sekarang, mengeluarkan negara-negara tersebut dari senarai negara-negara Islam." Hujah ini bersandarkan kepada realiti yang berlaku dalam sejarah khalifah Bani Umayyah dan Abbasiyyah dahulu, di mana penyelewengan dan kelemahan tidak dijadikan sebab oleh para ulama untuk menolak status negara itu sebagai negara Islam. Jadi, kelemahan yang ada dalam negara Malaysia seperti tidak terlaksana hudud, tidaklah menyebabkan hilangnya status negara Islam di Malaysia. Malah Nakhaie dikatakan pernah menegaskan dalam satu forum di Universiti Malaya bahawa sekiranya ulama silam masih hidup, mereka juga akan mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam sebagaimana mereka pernah mengakui kerajaan Bani Umayyah dan Abbasiyyah (Nakhaie 2001:21).

Mengenai persoalan yang sama, Dr. Faisal mengutarakan pendapat yang selari, apabila mengatakan wujudnya aspek *plus-minus* dalam sistem khalifah dahulu dengan kerajaan Malaysia sekarang, contoh yang dibawa ialah perjalanan sistem syura-demokrasi di Malaysia yang tidak wujud lagi pada zaman-zaman selepas *khulafā' al-Rāshidin*, khususnya bermula di era Muawiyah melantik anaknya Yazid sebagai khalifah. Sedangkan syura pula dianggap sebagai rukun terpenting dalam sistem pemerintahan Islam. Manakala kekurangan di negara ini, tidak terlaksananya hukum hudud dan qisas yang pernah diutarakan oleh Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang sebagai mewakili hanya 0.0001 peratus dari keseluruhan hukum dan syariah Islam (Faisal 2000).

Selanjutnya menerusi kaedah ini ialah usaha menyamakan langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia dengan Khalifah Islam yang digariskan al-Mawardi. Wan Zahidi semasa menjawab persoalan sejauhmana kerajaan Malaysia telah melaksanakan tanggungjawab sebagai sebuah negara Islam, telah menyenaraikan 12 peranan yang dijalankan oleh khalifah Islam. Beliau kemudiannya menyimpulkan bahawa kerajaan Malaysia telah pun melaksanakan kesemua tugas itu, kecuali hudud kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Tetapi kekurangan itu telah ditampung oleh kerajaan melalui program Islamisasi (Wan Zahidi 2000:5).

Sheikh Al-Azhar Profesor Dr. Jadul Haq Ali Jadul Haq sewaktu menghadiri seminar Antarabangsa Syariat Islam di Malaysia berkata: Tidak ada siapa pun di kalangan umat Isam boleh menuduh orang Islam lain sebagai kafir selagi orang yang dituduh itu tidak mensyirikkan Allah. Kegagalan seseorang umat Islam atau sesebuah kerajaan melaksanakan undang-undang Islam 100 peratus (hudud) kerana terpaksa, bukan kerana kedegilannya, juga tidak boleh dijadikan asas oleh mana-mana umat Islam yang lain untuk menuduh orang atau kerajaan berkenaan sebagai kafir. Selagi seseorang atau sesebuah kerajaan itu tidak mengingkari wajibnya dilaksanakan undang-undang Islam maka ia tidak boleh dituduh sebagai kafir (*Utusan Melayu* 1985). Lebih tidak wajar lagi sekiranya ada seseorang menuduh orang Islam yang lain sebagai kafir semata-mata kerana

perselisihan pendapat atau perbezaan anutan (fahaman) politik. Dalam sejarah perkembangan Islam, khalifah keempat Ali r.a. pernah berselisih pendapat dengan Muawiyah sehingga membawa pertumpahan darah yang hebat, bagaimanapun Ali dan Muawiyah tidak pernah menuduh satu sama lain sebagai kafir.

Melalui metode ketiga yang dipanggil pengukuhan dan pengesahan secara penyifatan ciri dan kriteria, di mana disenaraikan ciri-ciri yang dimiliki oleh Malaysia yang didapati selari dengan ciri-ciri sebuah negara Islam yang diutarakan oleh beberapa ulama silam seperti negara ini adalah tanah air umat Islam, dipimpin oleh orang Islam, aktiviti agama Islam dibantu dan banyak aspek lagi. Sebagai maklumat tambahan, menurut Wan Zahidi ialah ciri syura (melalui parlimen) yang wujud dalam negara Malaysia adalah menepati kehendak syura sebenar (Wan Zahidi 2000:6).

Metode keempat, menggunakan pendekatan akal dan logik bagi menyokong pengiktirafan kedudukan Malaysia sebagai negara Islam. Antaranya ialah seperti yang dinyatakan oleh Wan Zahidi: Jika tidak diiktiraf Malaysia sebagai negara Islam, maka bermakna Malaysia termasuk dalam kategori negara kafir, kerana tidak ada pembahagian ketiga yang dibuat oleh fuqaha selain daripada negara Islam dan negara kafir. Sedangkan menganggap Malaysia sebagai negara kafir adalah suatu yang tidak mungkin. Oleh yang demikian nyatalah bahawa Malaysia termasuk dalam kategori negara Islam bagi mengelakkan hukuman yang tidak betul. Secara rasionalnya menurut beliau, jika menganggap negara Malaysia bukan negara Islam, maka tidak wajib mempertahankan negara ini dari pencerobohan musuh negara dan hal ini semestinya tidak masuk akal. Lanjut itu, Nakhaei menyimpulkan secara logik bahawa jika dianggap negara seperti Malaysia adalah negara kafir, maka haruslah ditentukan pula sama ada negara itu negara yang boleh diperangi atau negara perjanjian (*Dār al-‘ahd*). Katanya, jika negara itu dianggap negara perang, maka dihalalkan darah golongan yang memerintah dan para penyokong mereka, walaupun dari kalangan orang Islam, kerana tidak ada lagi hak memelihara darah bagi sesebuah negara dan pemerintah kafir, melainkan jika termasuk dalam negara perjanjian. Perbincangan dengan jelas memaparkan kemungkinan-kemungkinan dan akibatnya jika tidak diiktiraf Malaysia sebagai negara Islam dalam skema penggolongan negara seperti yang pernah dikemukakan oleh para fuqaha dan ulama dahulu, kecualilah sekiranya ada yang berpandangan bahawa penolongan negara sedemikian sudah tidak sesuai dan tidak semestinya diterima pakai dalam konteks semasa. Bukan setakat itu sahaja, bahkan perkembangan-perkembangan negara moden yang bersifat negara-bangsa (nation-state) dan corak pemerintahan perkongsian kuasa (power sharing) memerlukan penelitian dan pentafsiran semula menurut sebilangan sarjana moden yang tidak terikat dengan penjelasan ulama fiqh Abad Pertengahan lalu.

Dr. Faisal berusaha meletakkan posisi Malaysia dalam kemelut polemik ini dengan mentakrifkan maksud sekular dan negara sekular. Kaedahnya menjelaskan mafhum lawan kepada negara Islam, di mana negara sekular pasti

menjurus kepada kerajaan atau pemerintahan yang sama sekali mengetepikan apa juar bentuk ajaran dan tuntutan agama dalam pentadbirannya (sekalipun hakikat ini tidak juga berlaku bagi negara yang jelas mengisyiharkan perlembagaannya sekular seperti India). Jelas sekali bahawa semua ciri negara sekular atau pemerintahan sekularistik tersebut tidak terdapat di Malaysia. Alasannya: a. Malaysia mengiktiraf Islam sebagai agama negara, b. kerajaan Malaysia bertanggungjawab terhadap agama Islam, c. Islam sebagai agama rasmi (persekutuan) menjadikan adanya peruntukan kemajuan Islam dalam belanjawan dan operasi berbagai jabatan dan institusi Islam, d. Seluruh rakyat Malaysia yang beragama Islam diwajibkan mempelajari agama Islam di peringkat rendah dan menengah melalui sistem pendidikan kebangsaan, e. Secara tersirat sebenarnya falsafah pemerintahan dan pentadbiran Malaysia adalah berasaskan syariah Islam (Faisal 1997). Sehubungan inilah terdapat beberapa orang tokoh akademik-ulama lain yang turut memberikan pandangan yang sedemikian sekalipun tidaklah mendalam huraiannya. Misalnya sewaktu memberikan komen kepada pihak media mengenai hal ini, Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj Abd. Majid, Mantan Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, menyatakan bahawa "negara Islam secara ideal tidak ada sekarang. Yang ada sekarang ialah negara Islam menurut rasional". Beliau juga pernah menyebut Malaysia boleh dianggap negara Islam, tetapi termasuk dalam kategori tidak memenuhi syarat seperti mana orang fasik (Shukri 2002:3). Dr. Mahmood Zuhdi yang banyak menulis isu syariah dan undang-undang di Malaysia walau bagaimanapun tetap melihat terdapat dominasi unsur-unsur sekularisme dalam perundangan Malaysia, khususnya melibatkan rujukan atau sandaran kepada hukum dan undang-undang dalam Perlembagaan Malaysia.

Tan Sri Dr. Mohd Yusof Mohd Noor, seorang tokoh akademik dan UMNO memberi pandangan tentang kerajaan Islam, katanya: Kerajaan Islam yang dibangunkan pada zaman Rasulullah s.a.w adalah kerajaan Islam sebenar kerana Rasulullah s.a.w adalah penggubal atau ahli *tashrif*-perundangan. Adapun kerajaan Islam yang wujud atau ada pada hari ini adalah ibarat dari kerajaan-kerajaan Islam terbuka, di antara iktibar politik dan tidak mencapai had serta tahap kerajaan Islam yang diasaskan pada zaman Rasulullah s.a.w (Mohd Yusof 2000). Pandangan yang nampaknya mempunyai persamaan dengan Dr. Mahmood Zuhdi yang melihat negara Islam semasa ini, hanyalah bersifat rasional bukannya ideal seperti zaman Nabi s.a.w dan Sahabat r.a. dahulu. Menyentuh pendiriannya berhubung kerajaan semasa Dr. Mohd Yusof menjawab "saya cenderung untuk berkata kerajaan watan (kebangsaan) yang ada sekarang ialah kerajaan Islam berdasarkan hujah-hujah berikut: kerana siasah politiknya seolah-olahnya tunduk kepada asas-asas Islam selepas menjadikan Islam agama rasmi atau persekutuan bagi negara, dan menjadikan program-program bercorak keagamaan disuburkan. Program-program yang direncanakan kerajaan dan pembangunan kerohanianya adalah peringkat persediaan untuk melaksanakan syariah secara sempurna dalam jangka panjangnya nanti.

Dr. Mohd Yusof menambah berkaitan dengan realiti Malaysia dan kemosyikilan realiti masyarakat majmuk. Sesungguhnya aplikasi sistem syariah Islamiyyah di negara-negara yang terdiri dari berbagai bangsa, budaya dan agama memerlukan jaminan berterusan penyelesaian perkara-perkara asas dan ekonomi, hinggalah pelaksanaan itu tidak menjadi perkara yang tidak dijangkakan atau tidak baik dan bersifat sementara dan tidak berkekalan. Contohnya pelaksanaan undang-undang hudud di Pakistan pada zaman pemerintahan Presiden Ziaul Haq yang menghadapi masalah selepas dilaksanakan, mungkin kerana ketidaktelitian dan ketidakcermatan pada peringkat persiapan. Amatlah malang hal ini berlaku kerana ianya menonjolkan imej negatif undang-undang Islam dan menjadi cemuhan kalangan yang anti-Islam khususnya Barat.

Dengan demikian, berdasarkan sekian banyak tulisan dan perbahasan mengenai ini, dapatlah dinyatakan bahawa para pemimpin dan ulama UMNO tidak menolak secara total akan hukum hudud dan qisas tetapi mereka cuba berhujah tentang ketidaksesuaian masa dan belum cukup persediaan. Maksudnya ketidaksediaan untuk melaksanakan hukum hudud dengan hujah kepelbagaiannya terjemahan-tafsiran (ijtihad) menyentuh persoalan ini dan dengan memetik konsep *tawasut* (kesederhanaan) dan *awlawiyyāt* (pengutamaan), di mana pandangan begini turut disokong oleh sarjana-sarjana Islam berwibawa. Pengiktirafan antarabangsa terhadap pendekatan Islamisasi di Malaysia mendapat banyak sanjungan, baik dari cendekiawan Islam seperti Syed Hoessain Nasr, Fazlur Rahman, Ismail al-Faruqi maupun ulama-ulama terkemuka seperti Syeikh Muhammad al-Ghazali, Yusuf al-Qardhawi dan Sheikh al-Azhar, Mohammed Sayed Tantawi (*Utusan Malaysia* 1998, *New Straits Times* 1997, *Tarmizi* 1994:131-33).

Dr. Mahmood Zuhdi cenderung menyokong tetapi kritikal terhadap kerajaan dalam hal ini. Beliau dengan jelas menyatakan betapa terdapat perbezaan pendapat antara ulama mengenai apakah itu kerajaan Islam. Punca perselisihan ialah perbezaan perspektif dan sudut pandang pengajian masing-masing. Takrif pemerintahan atau kerajaan di sisi fuqaha berbeza dengan takrif kerajaan (hukumah) di sisi ulama politik-siasah. Maksudnya tidak ada takrif yang *jāmi‘ wa māni‘* bagi maksud kerajaan Islam. Contohnya, menurut beliau, sesetengah ulama berpendapat adalah wajar diterima konsep kerajaan Islam jika majoriti rakyat daripada orang Islam dan yang lain pula berkata, jika pemerintahnya Muslim, jadilah kerajaan Islam dengan mengenepikan perspektif bangsa. Alasan berdasarkan hakikat bahawa kota Madinah dahulu didiami oleh sebilangan orang kafir. Kerencaman dan keberagaman konsep kerajaan dan pemerintahan atau negara Islamlah yang penulis nampak menjadikan isu ini rumit. Di mana perselisihan sudut pandang mauduk atau perspektif politik dan masyarakat hinggalah membuka ruang perbezaan ijtihad serta pilihan pandangan. Ramai daripada mereka mengiktibarkan bahawa pelaksanaan hukum-hukum Islam dalam kerajaan untuk menentukan acuan dan ciri keislaman kerajaan. Sementara

itu ada menekankan aspek akidah majoriti penduduk untuk pengIslamkan kerajaan atau sebaliknya. Bagi Dr. Mahmood Zuhdi kerajaan Islam ideal ialah yang melaksanakan aspek-aspek Islam dalam setiap segi kemasyarakatannya sehingga wujud di sana udara atau suasana keIslamam (2001). Pada hakikatnya perselisihan yang digambarkan oleh Dr. Mahmood Zuhdi berhubung takrif kerajaan Islam adalah realiti yang telah wujud di tengah-tengah perbincangan ulama semasa.

Sementara itu, bekas Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Hj. Mohamad Shahir Abdullah dalam tulisannya, *Penjelasan Ringkas: Malaysia Negara Islam* berpendirian ucapan Perdana Menteri adalah bersifat penjelasan bukan pengisyntiharan kerana terma *isytihar* itu akan memeranjat, menakut dan mengecewakan rakyat Malaysia. Baginya, hakikat Malaysia negara Islam tidak perlu diisytihar, disebabkan tarafnya telah terlaksana semenjak kemerdekaan lagi (Mohamad Shahir 2002:3). Beliau mengumpul beberapa bukti sebagai penjelasan, yang meliputi; a. Peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia, b. Pandangan ulama muktabar, c. Pengiktirafan dunia, d. Pelaksanaan pentadbiran negara, e. Muzakarah fatwa (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 3-4 Februari 1986 telah mengambil keputusan bahawa "Malaysia Adalah Sebuah Negara Islam"), dan f. Jaminan untuk rakyat bukan Islam.

Lebih awal dari itu Dr. Mahathir menegaskan bahawa UMNO tidak pernah menolak penubuhan sebuah negara Islam, sebaliknya percaya Malaysia sudah boleh diiktiraf memiliki ciri-ciri tersebut. "UMNO tidak tolak negara Islam, kita cuma anggap negara kita ini juga adalah ditafsirkan sebagai negara Islam kerana negara Islam boleh ada kaum-kaum lain yang menganuti agama-agama lain dan agama Islam menyuruh kita melayan kaum-kaum lain secara adil" (*Mingguan Malaysia* 2001). Jadi dalam mendekati konsep negara Islam ini, menurut penelitian Dr. Mahathir bahawa institusional kerajaan Islam bergantung besar pada situasi khusus setiap negara itu. Dalam kes Malaysia asimilasi nilai-nilai Islam, di mana masyarakat Muslim bukanlah majoriti besar, tidaklah boleh dibandingkan dengan pengalaman negara-negara lain seperti Pakistan dan Arab Saudi, jadi semestinya memerlukan proses yang panjang. Maksudnya proses Islamisasi hendaklah berlaku secara gradual dan bertahap supaya tidak menimbulkan kegelisahan dan salah faham di kalangan masyarakat bukan Islam serta boleh menimbulkan kekacauan dan perbalahan kaum. Hakikat bahawa Malaysia yang diiktiraf sebagai sebuah negara Islam, seperti yang ditegaskan oleh UMNO adalah terbukti dengan beberapa pengiktirafan dari dalam dan luar negara.

Namun disebalik kenyataan di atas, bagi Judith Nagata, terdapat keunikan dalam kes Malaysia, di mana beliau tetap tidak mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam tetapi memakai istilah kebolehan Malaysia "menjadi Islamik tanpa menjadi negara Islam" dan telah menjadikannya contoh sebuah negara Muslim yang "berjaya memahami secukupnya Islam dan kemodenan, dan mengambil pelbagai inisiatif hasil pemahaman itu. Dasar Islamisasi kerajaan Dr. Mahathir telah juga berjaya menangani cabaran golongan Islamis dan "menjinakkan

ketaatan-ketaatan Islamik yang pelbagai itu untuk keperluannya, tanpa ia mengorbankan penguasaan agama dan moralnya” (Nagata 1986:35).

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi memahami realiti negara, berdasarkan pemahaman di atas, mengisyiharkan bahawa tidak perlu pindaan perlembagaan semata-mata untuk membuat pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Pendirian dan fahaman yang dipegang Dr. Mahathir lebih awal. Hal ini sejajar dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan; Islam agama Persekutuan, Raja-raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam. Di samping beberapa alasan-alasan lain seterusnya, seperti berdasarkan pengiktirafan dari negara-negara lain tentang Malaysia, pengakuan para ulama muktabar luar dan amalan Islam yang dilakukan di negara ini. Datuk Abd. Manaf Ahmad, Timbalan Yang Dipertua YADIM, turut menyokong bahawa pengumuman Dr. Mahathir itu tidak memerlukan kepada apa-apa pindaan perlembagaan kerana perlembagaan kita sudah bersifat Islam dan memenuhi ciri-ciri sebuah negara Islam dengan menambah beberapa ciri lagi selain di atas seperti pemerintahan berasaskan syura berparlimen, pertahanan negara terletak di tangan orang Islam, pemerintahan berasaskan lunas keadilan yang termaktub di dalam perlembagaan dan kebebasan hak asasi yang mengandungi; diri, keabadian dilarang, perlindungan daripada undang-undang jenayah yang berkuatkuasa kebelakangan dan pembicaraan berulang, sama rata, kebebasan beragama, hak berkenaan pelajaran dan hak terhadap harta (Abdul Manaf 2004:31). Abd. Manaf turut berhujah berdasarkan analisis Profesor Ahmad Ibrahim dengan mengatakan bahawa, mungkin pada masa itu Tunku Abdul Rahman dan ahli-ahli UMNO berpendapat untuk tidak menjelaskan perpaduan di antara parti-parti, maka tidaklah perlu menyebutkan negara ini sebagai negara Islam. Dari segi maslahah atau kepentingan umum demi perpaduan parti-parti, maka adalah lebih baik hanya menyebut Islam sebagai agama persekutuan.

Secara idealnya, negara Islam umum ditanggap sebagai negara yang dikuasai oleh umat Islam dan melaksanakan syariat Islam sepenuhnya. Gagasan tersebut mungkin dapat dilaksanakan tanpa banyak halangan di negara-negara bermajoriti besar penduduk Islam, sekalipun realitinya, di negara yang sedemikian pun, di banyak negara tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Tetapi dalam konteks negara berbilang agama dan budaya seperti Malaysia pula banyak hal yang memerlukan pertimbangan khusus. Malaysia tidak terkecuali dari mengalami pelbagai fenomena kepincangan pasca-kolonial, termasuklah komplikasi sosio-politik, kebanjiran kaum imigran bukan Islam atau Islam yang hampir menenggelamkan kaum pribumi Muslim. Faktor-faktor inilah yang kerapkalinya dijadikan alasan kerajaan untuk tidak tergesa-gesa melaksanakan syariat Islam sepenuhnya.

Rumusan awal dalam hal ini, pertamanya, istilah negara Islam tidak ada penggunaanya dalam al-Qur'an; kedua, istilah ini baru mula diguna oleh Muhammad Rashid Ridza dalam bukunya *al-Khilāfat wa al-Imāmah* (1341 H); ketiga, para ulama tidak bersepakat tentang konsep negara Islam; keempat, UMNO

memilih takrif yang lebih luwes dan liberal berhubung dengan pendefinisian negara Islam; sementara yang terakhir, Malaysia sebuah negara Islam berpandukan takrif dan ciri yang dikemukakan oleh Abu Zuhrah seperti majoriti penduduk Muslim dan keamanan serta diperkuatkan lagi dalam konteks pengalaman sejarah Malaysia, kedudukan undang-undang dan pemimpin negaranya adalah Muslim.

#### DISKUSI KONSEP “NEGARA ISLAM” PAS

Setelah meninjau secara mendalam tentang pemahaman dan pentafsiran negara Islam dari perspektif kerajaan dan UMNO secara khususnya, kita lihat pula bagaimakah parti PAS meneroka isu yang dianggap *fragile* dan sensitif ini. PAS disifatkan telah menyeru secara berulang-ulang untuk menubuh atau menegakkan negara Islam, beraspirasikan pertimbangan, penegasan dan komitmen dalaman parti sendiri merujuk kepada perlombagaannya. Urutan paling awal adalah pada 4hb. Januari 1953, sewaktu Kongres Keempat Ulama di Kepala Batas, yang masih dengan nama Persatuan Islam Se-Malaya mengisyiharkan objektifnya untuk berusaha menuju negara Islam:

- a. Berusaha dengan kuat untuk memperkenalkan kepada rakyat jelata akan kemerdekaan yang tulen serta mananamkan ke dalam jiwa mereka semangat kemerdekaan itu, sambil menunjukkan cara-cara mencapainya,
- b. Berusaha dengan kuat memperkenalkan demokrasi yang sejati dan menyatakan faedah-faedahnya kepada negara dan umat Islam serta berusaha mananamkan semangat demokrasi ke dalam jiwa masing-masing sambil menunjukkan cara-cara mencapai demokrasi,
- c. Mengatur dengan kemas cita-cita merdeka PAS dan sebuah PAS yang menjalankan segala tanggungjawab yang berkaitan dengan agama Islam,
- d. Berikhtiar memperkenalkan diri PAS sebagai mewakili umat Islam Melayu kepada alam Islamiah dan badan-badan kebijakan Islam seluruh dunia serta membuat perhubungan dengannya, sama ada dalam perkara-perkara kebijakan bagi Malaya khasnya dan dunia amnya,
- e. Melaksanakan hukum-hukum Islam (Farish 2004:77).

Dengan meneliti objektif-objektif di atas, maka dapatlah disebutkan bahawa empat objektif politik PAS pada tahap ini, masih berkaitan dengan persoalan kemerdekaan, kedaulatan, pembangunan dan kepentingan kemasyarakatan. Matlamat untuk menegakkan syariah dalam senarai itu terletak di tempat kelima, mungkin disebabkan suasana semasa memaksa mereka berbuat demikian. Pada 13 Disember 1957, Dewan Ulama PAS telah dibentuk dan selepas perbincangan mendalam di kalangan pemimpin dan ulama PAS di Madrasah *al-`Ulūm al-Shar’iyyah*, Bagan Datuk, Perak, pada 1958, Dewan tersebut telah mengeluarkan

empat resolusi penting yang menyebabkan PAS terlibat secara sepenuhnya dalam perjuangan membentuk negara berasaskan Islam, iaitu;

- a. Berjuang menegakkan negara Islam yang dibangunkan oleh undang-undang Tuhan adalah wajib bagi setiap individu Muslim,
- b. Basis kepada perjuangan PAS adalah ayat dalam al-Qur'an (surah al-Shura: 13) yang mana menyeru Muslim mempertahankan keimanan dan kepercayaan mereka dan membentuk masyarakat berdasarkan dan berpandukan kepercayaan ini,
- c. Tidak ada sistem kerajaan selain dari yang diperintahkan Allah, sejak Allah sebagai Pencipta kepada semua undang-undang tabii, Tuhan menguruskan urusan ciptaanNya,
- d. Negara sedemikian telah wujud di zaman Rasulullah s.a.w dan untuk mencipta sistem yang sama sekarang adalah selari dengan Sunnah Nabi,
- e. Sekiranya dilihat artikel 5(1) konstitusi parti menyeru kepada "memperjuangkan wujudnya di negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukum menuju keredaan Allah" (Jamal 1999:70-71).

Sekiranya dirujuk pada dua resolusi besar awal di atas, maka jelaslah betapa tidak benarnya dakwaan bahawa hasrat dan keinginan PAS untuk menubuhkan negara Islam hanyalah berlaku pada tahun-tahun kebelakangan ini, selepas tahun 80 an dan di era kepimpinan ulama. Di samping itu, terdapat juga dakwaan bahawa cita-cita ini tidakpun termaktub jelas dalam perlombagaan parti PAS (Shafei 2000). Sedangkan sejak dari mula penubuhannya, PAS telah menyeru kepada pembentukan negara Islam di Malaysia. Cuma, mutkahir ini kedengaran pertanyaan apakah model negara Islam yang ingin PAS laksana. Bagi penentang PAS, dipertikaikan tujuan dan niat parti tersebut, paling tidak ditelaah bersifat kepentingan politik dan survivalnya semata-mata serta boleh mengancam hak-hak kaum lain.

Sebagai contoh ulasan Farish A. Noor bahawa idea negara Islam PAS, secara berterusan berlegar dan adaptasi untuk menyesuaikan kehendak masa dalam perjuangan politik yang berubah-ubah. Di mana, pada sekitar tahun 80-90an, PAS cenderung untuk mengubah Perlombagaan Persekutuan dengan mengurangkan kuasa parlimen kepada bersifat *rubber stamp*, di atas lokus kuasa Majlis Shura, yang ahlinya terdiri dari ulama parti yang dipilih. Bentuk negara Islam begini akan secara virtualnya tidak memungkinkan bukan Muslim untuk memimpin negara, merendahkan kedudukan wanita, minoriti dan minor, di mana inilah gambaran kedudukan dan status dalam tata baru yang selama ini secara signifikan dikompromikan dalam kerajaan Barisan Nasional (Farish 2001).

Kritikan seterusnya, termasuklah di kalangan Islamis ialah, sekalipun model negara Islam nampak impresif, tetapi kekurangan kejelasan panduan, kandungan dan rangka kerja betul (blueprint), misalnya hubungan demokrasi dan syura,

konstitusionalisme dan syariat Islam, pemilihan umum dan *bay'ah* (taat setia) serta lain-lain lagi. Inilah yang berlaku dan nampak jelas kepada pemimpin PAS sekalipun kalangan tertinggi, gagal menjelaskan idea secara detail. Dr. Kamarulnizam menjelaskan pentingnya PAS memberi huraian terperinci, kerana kejayaan parti tidak akan dihakimi oleh idealisme sahaja tetapi juga kebolehan mempraktikkannya dalam realiti. Ringkasnya konsep negara Islam PAS masih kabur atau lebih cenderung retorika dari realistik politik. Itulah yang kerap kali dilontarkan (Kamarulnizam 2002:135). Perdebatan yang sama berlaku di Indonesia tentang bentuk negara Islam sama ada yang menekankan *substancenya* atau *formnya* sehingga akhir-akhir ini pertubuhan seperti NU dan Muhammadiyah memilih pendekatan *substance*.

Mengkaji takrif negara Islam menurut Presiden PAS, Dato' Seri Haji Abdul Hadi adalah terbahagi kepada 2 iaitu a. persoalan tanah air umat Islam dan b. negara Islam. Dalam konteks Malaysia ianya memang tanah air umat Islam dan ciri ini cukup sempurna dan serasi bagi Malaysia, tetapi bukan negara Islam yang terlaksana syariah Islam sepenuhnya. Dalam negara Islam, menurut keyakinan PAS, khalifah (pemerintah) hendaklah berusaha menerapkan hukum syarak atau adanya kekuatan politik praktik yang berfungsi menerapkan dan berjalannya hukum-hukum Islam. Di samping fungsi-fungsi lain yang pokok juga ialah mengembangkan dakwah ke seluruh dunia sebagai risalah Allah sama ada secara seruan dakwah mahu pun jihad. Negara Islam mestilah berdiri di atas landasan akidah, maksudnya secara *shari'i* akidah Islam, dalam keadaan apapun tidak boleh terlepas dari negara. Di sebutkan oleh Abu Bakar Hamzah dalam bukunya bahawa terdapat hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang berbunyi:

لَا أُمَّةٌ بِلَا عِقْدَةٍ وَلَا قَوْمٌ مِنْ أَلَّا إِسْلَامٌ وَلَا مِنْ تَطْبِيقِ الشَّرِيعَةِ الْاسْلَامِيَّةِ

Terjemahannya: Tidak hidup ummah jika tanpa akidah, dan tidak ada akidah yang lebih sempurna dari Islam, dan tidak hidup Islam jika tidak dilaksanakan (syariah) (Abu Bakar 1970:183).

Begitulah juga negara Islam tidak wajar memiliki pemikiran, konsep, hukum atau pun sandaran yang tidak digali sumbernya dari akidah Islam, sebab itu tidak cukup dengan menjadikan landasan negara Islam pada setakat nama sahaja, akidah Islam, namun dalam parktitiknya tidak. Bahkan penghayatan landasan tersebut harus tercermin dalam segala aspek yang berhubungan kewujudan negara Islam baik hal-hal yang kecil maupun besar dalam urusan negara secara keseluruhan. Mudahnya Islam tidak bertolak ansur memiliki konsep lain yang bersumber bukan dari akidah Islam termasuklah demokrasi Barat sepenuhnya kerana ia tidak berpunca dari akar umbi Islam. Umum dimaklumi apa yang lahir dari demokrasi cenderung bersalahan dengan akidah Islam seperti nasionalisme. Konsep nasionalisme dengan label apapun tetap tidak dibolehkan kerana konsep tersebut tidak lahir dari akidah Islam. Di samping pemahaman akidah Islam melihat kemudarat dan kejelekan idea nasionalisme tersebut.

Dalam wajah yang lebih ekstrem, konsep patriotisme (wataniyyah) juga walau dalam apa bentukpun, tetap tidak diperbolehkan kerana konsep tersebut lahir bukan dari akidah Islam menurut Abdul Qadim Zallum (2002:10).

Dari sudut perundangan pun, penelitian terhadap hujah-hujah akademik banyak menyokong pendirian PAS, umpamanya Dr. Mahmood Zuhdi, menyebutkan: "Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, sistem perundangan dan kehakiman yang sekular dijamin sendiri oleh perlombagaan. Meskipun tiada peruntukan dalam perlombagaan Malaysia yang menyebut bahawa negara ini ialah sebuah negara sekular, namun berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ada pada keseluruhannya, kita boleh membuat kesimpulan bahawa sebenarnya Malaysia ialah negara sekular. Pemisahan antara negara dan agama yang merupakan intipati sekularisme adalah jelas dalam perlombagaan tersebut" (2001:25). Walaupun alasan ini tidaklah sepenuhnya boleh diterima dan ditelan bulat-bulat tanpa pertimbangan-pertimbangan lain kerana secara mudahnya, negara sekular itu ialah negara yang tidak memberikan peranan atau tempat langsung kepada agama oleh penguasa. Inilah negara sekular dalam erti kata yang sebenarnya. Berbeza dengan Malaysia, di mana agama diberikan tempat dan kedudukan, termasuklah agama bukan Islam. Ini terbukti pada sambutan perayaan dan hari-hari kebesaran agama-agama tersebut. Mungkin ada yang melihat lebih kepada unsur tempelan atau kosmetik yang dianggap tidaklah termasuk dalam apa yang dituntut oleh agama. Namun dari sudut perlombagaan, soal ini melambangkan betapa negara ini (jika mahu dituduh sekular pun) bukanlah seratus peratus sekular. Kerana secara prinsipal dan ilmiahnya negara sekular tidak memberikan tempat atau pengiktirafan (netral agama) kepada agama dalam bentuk apa sekalipun. Walau apapun makna sekular atau sekularisme, inilah intisari bagi konsep negara sekular umumnya.

Dr. Hussin Mutalib, sarjana dari Singapura yang banyak membuat kajian tentang PAS dan Malaysia, mengutarakan bahawa, dari sudut Islam, Perlombagaan Malaysia adalah tidak Islamik. Untuk menjadi sebuah negara Islam, perubahan-perubahan yang radikal terhadap perlombagaan perlu dibuat seperti ke atas fasal-fasal yang berkaitan dengan ketertinggian undang-undang Persekutuan , kuasa sultan-sultan sebagai pemegang kata putus dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat orang-orang Melayu dan kekebalan mereka daripada dakwaan-dakwaan mahkamah; falsafah dasar ekonomi baru yang memihak kepada kumpulan tertentu di atas atas perkauman atau etnik; dan lain-lain perubahan. Kerumitan dan keradikalan perubahan-perubahan yang perlu dibuat di dalam mengubah apa yang pada asasnya adalah sebuah negara sekular (dengan institusi-institusi sekular Baratnya) kepada sebuah negara yang bertentangan dalam segenap segi -iaitu negara Islam- inilah yang menjelaskan mengapa semua percubaan kerajaan orang-orang Islam hari ini, termasuklah kerajaan Malaysia, untuk 'mengislamisasikan jentera kerajaan' mereka telah menemui kegagalan (Hussin 1990:47).

Dr. Abdul Rahman Awang, turut tidak menyifatkan Malaysia negara Islam berpandukan definisi dan kriteria yang disarankan fuqaha belum cukup, sekalipun reIslamisasi sedang berjalan. Pastinya juga, ia bukan *dār al-Harb* (negara musuh), bukan *dār al-‘Ahd* (negara yang membuat perjanjian dengan negara Islam). Tetapi barangkali boleh atau sesuai digelar *dār al-Muslimīn* (negara orang Islam), merujuk kepada, Islam agama Persekutuan, pemerintah majoritinya orang Islam, sebahagian undang-undang Islam diamalkan, banyak syiar Islam dilaksanakan, dan umat Islam (bukan Melayu) adalah terbanyak (1981). Kesukaran yang timbul ialah kerana istilah "negara orang Islam" (begitu juga negara sekular) tidak pernah wujud dalam perbincangan fuqaha Islam dahulu, atau mungkin tidak lagi sesuai dipakai sekarang, lebih-lebih lagi pengkategorian ini hanyalah dibuat oleh fuqaha berdasarkan ijтиhad mereka yang tidak semestinya diterima sepenuhnya sekarang. Justeru tidak hairanlah, mutakhir ini, ada cadangan supaya pembahagian ini disemak semula dan sekiranya tidak sesuai, maka tidak perlulah dipakai lagi. Termasuklah pembahagian rakyat seperti kafir *dhimmi*, kafir harbi dan sebagainya. Permainan bahasa, terma dan istilah memang mengelirukan dan inilah yang kerap kali digunakan yang kadang-kadang bertujuan memesongkan makna dan memutarbelitkan hakikat sesuatu.

Permasalahan sama muncul menyentuh istilah terhadap Malaysia, di mana Dr. Mahathir menyebut dalam bahasa Inggeris "*Islamic country*" yang bererti negara orang Islam, sedangkan dalam bahasa Malaysia ia sebutkan "negara Islam". Walaupun televisyen sewaktu menyiaran berita tentang wawancara Dr. Mahathir dengan wartawan majalah *L'expansion* pada 22hb. Nov - 6hb. Dis. 2001 itu menterjemahkan perkataan "*Islamic country*" sebagai negara Islam dan "*Islamic state*" sebagai negara Islam ekstrem (Annual Bakhri dan Kamarul Zaman 2002:68). Pemaparan yang stereotaip dengan kehendak orientalis untuk menconteng imej Islam, umatnya dan negara Islam. Tun Salleh Abbas, bekas Ketua Hakim Negara menyebut bahawa yang paling baik, Malaysia boleh disifatkan negara orang Islam (Muslim) tetapi tidak sama sekali sebagai negara Islam kerana Islam dan sekularisme serta elemen-elemennya tidak boleh dikompromikan.

Merujuk kepada konsep negara Islam dalam PAS sendiri, tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa para sarjana dan ulamanya tidak menghurai secara terperinci dan panjang lebar sejauhmana status negara Islam di Malaysia kecualiah baru-baru ini dengan terbitnya buku dokumen Negara Islam. Biasanya dalam tulisan, ceramah dan percakapan para pendukung PAS ialah disandarkan kembali kepada Al-Qur'an dan al-Sunnah, yang kadang-kadang terlalu simplistik dan umum.

Dari sudut konseptual yang menyentuh pengertian dan konsep negara Islam, walaupun ada, tidaklah banyak seperti buku *Konsep Negara Islam dan Matlamatnya dan Sistem Pemerintahan Negara Islam* oleh Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang. *Buku Model Kerajaan Islam* oleh Dato' Haji Haron Taib, Ketua

Dewan Ulama PAS Pusat dan tulisan *Hadith-Hadith Politik (Negara Islam Berasaskan Hadith)* oleh Dr. Shafie Ibrahim. PAS juga tidak menerbitkan bahan bertulis secara khusus bertujuan menolak kedudukan Malaysia sebagai negara Islam, kecuali setelah pengisytiharan negara Islam oleh Dr. Mahathir. Antaranya artikel bertajuk “Apa Ukuran Negara Islam” oleh Dr. Dzulkifli Ahmad, Pengarah Pusat Penyelidikan PAS disiarkan dalam Harakah 16-31hb. Okt. 2001. Tulisan itu banyak mempersoalkan tentang ketidakwajaran pengisytiharan negara Islam oleh UMNO bagi sebuah negara yang mengamalkan unsur kezaliman, penekanan, pencabulan hak dan keadilan, pendakwaan dan penghukuman terpilih dan sebagainya. Di samping itu artikel turut membuat penegasan yang sama dalam masalah dasar dan perinsip negara Islam sebagaimana yang dinukil daripada kitab *Fiqh al-Daulah* oleh Syeikh Yusuf al-Qaradhawi. Manakala sebelum itu pemimpin PAS cuma menolak pengisytiharan negara Islam itu melalui ceramah dan kuliah pengajaran. Kenyataan juga dibuat apabila pihak media mengajukan soalan yang berkaitan. Sedangkan yang lebih terkini dan panas diperdebatkan ialah mengenai dokumen konsep “Negara Islam” PAS yang yang dilancarkan oleh Presiden PAS pada 17hb. Ramadan, 1424 bersamaan 12hb. November 2003. Dokumen yang disedia oleh ramai pakar-pakar yang berkelayakan dalam bidang pengajian Islam meliputi; fiqh, usul fiqh syariah, siyasah syariah (politik Islam), dan usuluddin. Kemudian turut diteliti dan dibaca oleh pakar pengajian Islam dan bukan pengajian Islam lain dalam bidang bahasa, perubatan, perancang bandar, kejuruteraan, pendidikan, sains dan teknologi dan pelbagai lagi sebelum dilancarkan. Hasilnya lahirlah buku setebal 53 halaman yang memuatkan kata-kata aluan presiden, mukadimah, tasawwur negara Islam, dasar utama pemerintahan Islam, ciri-ciri utama negara Islam, beberapa polisi negara Islam dan penutup. Dalam kata alu-aluannya, Dato’ Haji Abdul Hadi menjelaskan kewajiban menegakkan negara Islam adalah sama penting dengan kewajiban melaksanakan ibadat-ibadat wajib yang lain berpandukan kaedah fiqh yang dimaklumi umum iaitu “sesuatu yang tidak dapat disempurnakan yang wajib melainkan dengannya maka yang itupun menjadi wajib”. Kaedah ini melihat, oleh kerana pelaksanaan syariat Islam adalah wajib dan ia tidak akan tercapai tanpa negara Islam, maka menegakkan negara Islam adalah turut wajib.

Di samping disertakan lampiran tambahan sebagai jaminan kepada rakyat yang disampaikan oleh Presiden PAS, Dato’ Seri Haji Abd Hadi Awang ketika melancarkan *Dokumen Negara Islam* di Dewan Fadzil Noor, Pusat Tarbiyah PAS, Taman Melewar yang menghujahkan sekiranya negara Islam dapat dilaksanakan 10 perkara prinsip di bawah akan dipelihara:

1. Bahawa perlaksanaan negara Islam seperti yang terkandung dalam dokumen ini menerima pakai Perlembagaan Persekutuan dengan beberapa pindaan mengikut keperluan,
2. Bahawa hak semua rakyat Malaysia untuk mengamalkan agama dan kepercayaan mereka adalah dijamin,

3. Bahawa hak setiap rakyat mempraktik, memaju dan memperkembangkan amalan kebudayaan dan ketatasusilaan rumpun budaya adalah dijamin,
4. Bahawa tidak akan berlaku pemaksaan penganutan agama Islam ke atas bukan Islam,
5. Bahawa sistem perundangan yang bersifat dualisme yang ada sekarang ini akan dikekalkan,
6. Bahawa tidak akan berlaku pendiskriminasian mengikut kaum, keturunan dan jantina, sebaliknya negara Islam mengutamakan amalan meritokrasi,
7. Bahawa hak demokrasi setiap rakyat adalah terjamin sepertimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan,
8. Bahawa semua kaum tanpa mengira bangsa boleh dipilih, dilantik serta melibatkan diri dalam proses politik, perundangan dan pentadbiran negara,
9. Bahawa hak untuk mendapatkan pendidikan dan mengikuti pelajaran dalam bahasa ibunda adalah terjamin, dan
10. Bahawa keseluruhan hak-hak wanita termasuk hak untuk bekerja dan mencari sara hidup serta hak mempertahankan maruah dan harga diri adalah terjamin (Abdul Hadi 2003).

Dato' Haji Abdul Hadi juga turut menambah bahawa PAS bersedia untuk menyusuli tulisan itu dengan penjelasan lebih terperinci mengenai aspek penghayatan, pelaksanaan dan penterjemahannya dalam konteks realiti politik negara ini dan cabaran demokrasi abad ini.

Sebaik sahaja buku ini dilancarkan bertalu-talu komentar, kritikan dan serangan ditujukan kepada PAS khususnya dari pihak kerajaan dan penyokongnya. Kritikan itu menurut PAS sebahagian besarnya dibuat tanpa merujuk kepada kandungan buku tersebut malah dibuat secara spontan, bila dengar negara Islam ala PAS, masing-masing terus melahirkan prasangka buruk. Contohnya kritikan yang diluahkan oleh Datuk Dr. Mohamad Khir Toyo, Menteri Besar Selangor, "Bermimpimedua siang hari dan hipokrasi yang tiada tolok bandingnya". Begitulah frasa yang boleh menyimpulkan langkah Presiden PAS apabila beliau mengumumkan sepuluh jaminan kepada rakyat Malaysia kiranya negara Islam versi partinya dapat dilaksanakan di negara ini. Antara hujah penolakan Dr. Khir ialah Malaysia telahpun merupakan sebuah negara Islam yang diiktiraf dunia dan bahkan menjadi model kepada negara-negara Islam lain. Kemudiannya beliau melihat satu persatu jaminan tersebut dan mengkritiknya. Kebanyakannya cuba diyakinkan bahwa apa yang PAS ingin lakukan telahpun sempurna dilakukan oleh UMNO (BN) (Mohd Khir 2004:35). Terdapat komen yang sederhana dan wajar diberikan perhatian serius oleh perangka dan perumus dokumen negara Islam ialah; apakah ia dapat memberi keyakinan kepada orang bukan Islam mengenai hak dan kebebasan mereka dan ditambah bahawa ia gagal menjelaskan isu-isu penting seperti pelaksanaan sistem pentadbiran dua peringkat yang membabitkan orang bukan Islam dan status Perlembagaan

Persekutuan. Memorandum lebih tertumpu kepada aspek-aspek keagamaan yang disokong dengan dalil-dalil al-Qur'an dan Hadith.

Badruzaman Yusoff, Setiausaha Dewan Ulama PAS cuba menjawab dan mengemukakan beberapa persoalan penting yang perlu dilihat menyentuh kritikan dan komen tersebut. Antaranya ialah:

- a. Perlunya dibezakan antara negara Islam dengan negara umat Islam,
- b. Perlu diberikan penekanan bahawa konsep negara Islam mempunyai takrifan dari segi bahasa dan istilah (lughatan wa istilahan) yang perlu difahami konteksnya.
- c. Perlu diberikan penekanan antara kulit (pengisyiharan kosong) dan pengisian (substance) kepada negara Islam (perkembangan semasa negara tidak membantu).
- d. Perlunya ditekankan kewajiban mengikut syariah Islam sebagai asas utama dalam sesebuah negara Islam (merujuk kepada sumber dalam perundangan).
- e. Penjelasan lanjut perlu disediakan khasnya dalam beberapa perkara pokok seperti penjelasan kepada beberapa konsep umum, kedudukan non-muslim dan langkah selanjutnya yang akan diambil jika PAS diberi mandat untuk memerintah Malaysia.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi menjawab beberapa pertanyaan menyentuh dokumen negara Islam yang dikatakan berbeza dengan apa yang dilakukan oleh Barisan Nasional; Pertamanya, aspek yang selalu beliau kemukakan bahawa Islam sekarang adalah diperintah bukannya memerintah. Maksudnya dalam konsep negara Islam PAS yang berkuasa dan menentukan sesuatu adalah Islam. Menyentuh penerimaan Perlembagaan Persekutuan dengan pindaan-pindaan sewajarnya pula, merujuk kepada perkataan Islam yang mesti ditakrifkan dengan tepat mengikut Al-Qur'an dan al-Sunnah. Keduanya, perkataan syariah, yang membolehkan undang-undang syariah dilaksanakan di peringkat negeri dan persekutuan, terutamanya penyelarasan kedua-duanya.

Dalam konteks praktikal pelaksanaannya dicadangkan bagi negeri yang majoriti besarnya penduduk Muslim, undang-undang Islam boleh dikuatkuasa, manakala di negeri yang mana bukan Muslim adalah majoriti, terpulanglah kepada parti pemerintah bukan Islam itu tetapi pada masa yang sama, pemimpin bukan Islam itu harus membenarkan undang-undang syariah dikenakan terhadap orang-orang Muslim di situ. Nampaknya, ada dua sistem seperti sekarang kepada Muslim dan bukan Muslim. Lebih jelasnya orang-orang bukan Islam tidak akan dikenakan hudud (Abdul Hadi 2003).

Dato' Seri Haji Abdul Hadi dalam satu temubual lain menjelaskan bahawa pemerintahan Islam sesuai untuk semua, termasuklah masyarakat majmuk Malaysia kerana pluralisme merupakan realiti dan objektif yang ditarik dari umat Islam, yang merupakan mesej Islam untuk seluruh umat manusia. Menyentuh bentuk negara Islam yang PAS akan tubuhkan di Malaysia, jelasnya:

An Islamic state that displays justice in plural society. And we hope that our society's non-Muslims give us a chance to show Islam without us forcing them too. If non-Muslims can see that Islam is not about hudud but about the economy, about land and other laws, I believe that they will accept Islam as a national policy while they remain believers of others faith. They are not forced to embrace Islam (*New Strait Times* 2003).

Paparan kesederhanaan dan progresif pendirian dan sikap PAS boleh diperhatikan pada kenyataan Dato' Mustafa Ali, bekas Naib Presiden PAS, sewaktu diwawancara dalam rancangan Hardtalk BBC oleh Tim Sebastian:

Your party claims to be a moderate Islamic party. If you got into power, how long would those promises of moderation be valid? "We have carrying this state of moderation ourselves. We control two states now, Kelantan and Terengganu and our track record shows that we have been moderate all along in the administration of these two states.

Dato' Mustafa secara jelas menjawab akan mengekalkan perlembagaan yang sedia ada sekarang, manakala berkenaan undang-undang syariah, katanya itu melibatkan hak orang-orang Muslim untuk hidup menurut kepercayaan mereka. Jadi tentang kemungkinan undang-undang syariah, ianya tidak bagi seluruh Malaysia, tetapi negeri yang majoriti Muslim. Secara mudahnya dapatlah dikatakan wujudnya dua set undang-undang kepada Muslim dan non-Muslim, dengan pilihan terletak di tangan mereka: "we give them the choice because we are not going to be there to force it on them" (*Harakah* 2003). Manakala menyentuh perlaksanaan undang-undang murtad yang membawa kepada hukuman mati pula, katanya, jika seseorang meninggalkan Islam secara diam-diam mereka akan bebas tetapi, jika mengumumkan kepada dunia yang mereka meninggalkan Islam itu mengheret kepada mengisyiharkan perang kepada Islam bahawa Islam itu buruk (yang boleh mengandungi implikasi diambil tindakan hukuman mati). "If he wants to leave Islam quietly, it is up to him. If he renounces openly, he must be up to something" (*Harakah* 2003). Jawapan yang hampir sama pernah dikemukakan oleh Sheikh Sayyed Tantawi sewaktu ditanya tentang hukuman murtad dalam satu lawatan beliau ke Malaysia satu waktu dahulu.

PAS menolak status Malaysia sebagai negara Islam, berdasarkan teori dan konsep negara Islam yang mereka faham dan pegang dalam kerangka pemikiran pemimpin dan ahli parti mereka. Bagi PAS, terdapat beberapa kriteria dan ciri dalam penentuan negara Islam; antaranya adalah berdasarkan kaedah atau teori perlombagaan (perundangan), teori kedaulatan Islam, teori kerajaan Islam pada zaman Rasulullah s.a.w dan Khalifah Rasyidin, teori agama dan politik tidak boleh dipisahkan, teori sekularisme dan asabiyah adalah dasar yang bercanggah dengan Islam, teori kepimpinan ulama dan teori tanggungjawab kerajaan Islam. Di samping beberapa alasan sampingan seperti komitmen pemerintah terhadap Islam, perjalanan amar makruf nahi mungkar (PAS memomokkan sikap kerajaan sebagai amar makruf dan amar mungkar serentak dengan tiada nahi mungkar), pemeriksaan syariah yang menyentuh realiti di Malaysia. Tujuh alasan ini dibincangkan berdasarkan buku-buku tulisan Haji Hadi dan Harun Taib di atas

seperti perlembagaan negara Islam menjadi undang-undang tubuh negara dan memperuntukan bahawa undang-undang tertinggi dalam negara ialah undang-undang Islam. Dengan itu mana-mana undang-undang dan peraturan lain yang bercanggah dengan Islam dikira terbatal. Melalui teori ini, mereka berpendapat bahawa negara Islam ialah negara yang mempunyai perlembagaan Islam sendiri sebagaimana yang dilakukan Rasulullah s.a.w melalui perlembagaan Madinah. Sementara negara demokrasi pula mempunyai perlembagaan demokrasinya. Secara otomatiknya juga menetapkan aspek kedaulatan syariah Islamiyyah, di mana segala kegiatan pentadbiran dan aktiviti kemasyarakatan tunduk dan patuh kepada peraturan Islam atau syariahnya. Dato' Nik Abdul Aziz, Menteri Besar Kelantan, yang juga Mursyid Am PAS berulang kali merujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan tertinggi dan corak perjalanan kerajaan Madinah pada zaman Rasulullah s.a.w dan Khalifah Rasyidin, cuma perbezaannya nanti dalam bentuk mana rujukan tersebut dibuat antara kumpulan dan aliran Islam.

Sebagai contohnya tentang pertikaian apakah hukum Islam bahagian dari aspek cabangan atau usul? Sekiranya dianalisis, sebahagian daripada hukum-hukum siyasah shar'iyyah berpindah dari bab cabangan kepada kitab usul; maksudnya memasuki ruang Usuluddin, termasuk dalam bab akidah-tauhid atau ilmu kalam; tajuk-tajuk imamah atau khilafah terkandung dalam perbahasannya. Syiah Imamiah menganggap isu imamah dari aspek usul, urusan akidah di sisi mereka. Ada sebilangan kecil kalangan ulama Ahli Sunnah membahaskannya dalam kitab akidah, namun umumnya dari perbahasan ranting kerana ia berkait dengan amal tidak asas iktikad. Atas dasar ini sebilangan pendiskusi Muslim memudahkan urusan imamah atau hukum dengan apa yang diturunkan Allah; ianya isu furū' bukan usul. Kita boleh terima hal ini tanpa syuk tetapi bukanlah bermakna memudah-mudah dan meringankan perkara ini kerana Islam bukanlah akidah semata-mata tetapi akidah dan amal (al-Qardhawi 2000:13). Manakala terhadap perhakiman Ilahiyyah bagi Dr. Yusuf adalah satu juzuk dari akidah-tauhid Islam, tulisnya: Sesetengah orang menyangka masalah hakimiyah Ilahiyyah bagi Allah S.W.T. dari ciptaan al-Maududi dan kemudiannya Syed Qutb, kerana kedua-dua tokoh inilah yang mengasaskan dan mengembalikan semula isu ini dan dibincang dalam kitab tulisan kedua-dua tokoh ini. Jadi, Dr. Yusuf, berasaskan jika dilihat dalam kitab (*Usūl Fiqh*) terdapat perbahasan tentang ilmu ini dan mukadimah yang dimaklumi tentang hukum syarak perbincangan (hakim) siapa dia? Semua mengikrarkan yang hakim ialah Allah S.W.T.. bukankah urusan hukum tidak lain kecuali bagi Allah S.W.T. Jika dilihat sebagai perbandingan dengan pendapat Imam al-Ghazali dalam kitab *al-Mustasfā* diiktibarkan bahawa hakim adalah untuk Allah S.W.T. dan disepakati di kalangan Ahli Sunnah dan Mukta滋ah. "Adapun nabī ialah sultan, tuan, bapa dan suami, apabila ia perintah dan wajibkan, tidak diwajibkan dengan sebab kewajiban mereka, tetapi kewajiban Allah S.W.T. untuk mereka taati, kalau bukan demikian maka setiap makhluk diwajibkan patuh oleh yang lain, adalah bagi yang diwajibkan atasnya, dituntut

untuk lakukan apa yang diwajibkan, jadi tidaklah salah satu dari keduanya lebih utama dari yang lain. Maka wajib taati Allah S.W.T. dan taat apa yang diwajibkan Allah S.W.T.". Di samping itu Dr. Yusuf menambah terdapat 3 unsur asasi tauhid: a. Tidak cari selain Allah S.W.T. sebagai Rabb, b. Tidak ambil selain Allah S.W.T. sebagai wali, dan c. Tidak ambil selain Allah S.W.T. sebagai hakim (al-Qardawi 2000:18).

Para ulama telah menggunakan sekurang-kurangnya tiga metode dalam menghuraikan makna negara Islam iaitu a. metode perundangan (perlaksanaan undang-undang Islam), b. metode politik dan kepimpinan, dan c. metode kemasyarakatan. PAS menjadikan kriteria pelaksanaan undang-undang Islam sebagai syarat pengiktirafan negara Islam. Pegangan ini disandarkan kepada pendapat Abu Yusuf dan Muhammad al-Syaibani yang menyatakan negara Islam itu mestilah negara yang zahir dan dominan undang-undang Islam di dalamnya. Satu kekurangan dan kelemahan nyata dalam realiti negara ini yang menyebabkan PAS menolak pengisytiharan Malaysia negara Islam. Manakala aspek kepimpinan dan kemasyarakatan dinilai telahpun memenuhi syarat-syarat asasnya.

Dato' Nik Abdul Aziz dengan lantang menolak corak perjuangan nasionalisme-kebangsaan UMNO dan mengkritik tidak terlaksananya hukum syariah dalam negara. Beliau berharap akan tegak semula sistem khilafah Islam yang menjadi lambang kegemilangan Islam dahulu sekalipun beliau sedari ini tidak mudah. Peka dengan realiti dan keadaan semasa, beliau cadangkan jalan alternatif. Maksudnya, jika tidak ada kepimpinan yang satu atau khalifah, maka wujud banyak kepimpinan dan negara adalah dibolehkan tetapi negara itu hendaklah berhukum dengan hukum syariah Islam. Dengan itu terbentuklah kerajaan Islam terbatas di negara masing-masing seperti Arab Saudi, Iran, Sudan dan lain-lainnya. Selama mana negara ini tidak berbentuk kerajaan kebangsaan-perkauman yang dilarang Islam. Islam mengiktiraf kabilah dan bangsa tetapi tidak meninggikan atau mengutamakan asabiyah dan jinsiyah kerana para sahabat r.a. mereka berbangga dengan gelaran Muhibbin dan Ansar. Ringkasnya prinsip awalnya, beliau mahukan kesatuan Islam seluruhnya tetapi dalam keadaan -darurat- kerajaan Islam yang melaksanakan syariah Islam di negara-masing atau tempat khusus kepada pembatasan geografi atau wilayah boleh diterima (Nik Abdul Aziz 2001).

Isu mengenai status Malaysia sebagai negara Islam ini telah turut menjadi perbahasan hangat di antara penyokong kerajaan dan DAP di Parlimen 2005. Datuk Che Min Che Ahmad menyebut bahawa pengiktirafan Malaysia sebagai negara Islam turut dipersetujuui pembangkang. Lim Kit Siang dan Karpal Singh bangun membantah, Lim berkata "Kita tetap dengan pendirian bahawa Perlembagaan Malaysia 1957 (menyebut) Malaysia bukan sebuah negara Islam" Lim mencabar Che Min apakah bukti Malaysia negara Islam dalam perlembagaan yang sememangnya tiada. Bahkan menurut Karpal, jika dirujuk kepada penghakiman pada tahun 1988 terdapat keputusan Mahkamah Agung

yang tediri dari lima Hakim sebulat suara memutuskan bahawa Malaysia negara sekular dan bukan negara Islam (*Berita Harian* 2005).

Rumusannya, pembangkang seperti PAS menolak ketepatan dan kesesuaian pengisytiharan tersebut berdasarkan realiti amalan di Malaysia. Di samping membuat rujukan perbandingan dengan pendapat dan ulasan ulama silam serta sarjana kontemporari sama ada merangkumi aspek takrifan, ciri atau kriteria, kemasyarakatan, perlaksanaan syariah, perlembagaan, sultah atau kekuasaan dan lain-lain lagi. Sementara DAP pula menolak berdasarkan kepada fakta sewaktu perlembagaan Malaysia dirangka (yang turut digunakan PAS), sistem undang-undang dan penghakiman yang dilakukan melalui pendapat para peguam dan hakim serta Malaysia diacuankan oleh British sebagai sebuah negara sekular. Bagi DAP, sekalipun pengisytiharan UMNO itu tidak mengubah apa-apa dasar dan perlembagaan negara, mereka tetap bimbang dalam jangka panjang ini akan merugikan masyarakat bukan Islam, jadi mereka bermati-matian menolak pelabelan tersebut.

Terdapat dua buah buku yang memetik secara ekstensif atau hampir keseluruhan pendapat dan pendirian tokoh-tokoh politik, agamawan, ulama, sarjana, hakim dan ahli akademik sejak awal merdeka hingga terkini yang dikumpul oleh penulis PAS bagi menolak dakwaan dan canangan UMNO bahawa Malaysia negara Islam. Satu buku berjudul *Negara Islam: Nota-Nota Penting Buat Dr Mahathir* yang penuh dengan catatan ucapan Dr. Mahathir di berbagai lokasi untuk membuktikan perubahan, perbezaan dan ketidakselarasan pendirian Dr. Mahathir dari awal dilantik sebagai Perdana Menteri sehingga ke saat pengisytiharan serta sekaligus menolak pelabelan yang dibuat beliau sendiri. Keduanya, *Benarkah Malaysia Negara Islam?, 50 Dr Falsafah Lawan 5 Dr Falsafah Lain, Amirul Mukminin Malaysia Dibicarakan* (Kamarul Zaman 2002), yang memetik berbagai pendapat dan tulisan yang tidak memungkinkan untuk dicatat semuanya, tetapi kecenderungan memutuskan untuk mempertikai dan menolak keabsahan dan kemunasabahan hujah-hujah kerajaan tersebut. Lebih-lebih lagi, pada awalnya isu ini tidak timbul dan seakan-akan boleh diterima yang Malaysia bukan negara Islam (mungkin bukan juga negara sekular) hingga selepas pengisytiharan tersebut. Apakah ulama dan sarjana kerajaan tidak perihatin dan berfikir untuk mengemukakan perkara ini lebih dahulu sehingga tahun 2001? Inilah hujah PAS yang disebut oleh Dato' Nik Abdul Aziz "nak dipanggil sebuah kereta sorong itu Mercedes memanglah boleh. Tidak apa" Satu suasana yang menonjok arus dan semacam dipengaruhi oleh faktor politik lebih dari keilmuan dan akademiknya.

## PENUTUP

Membaca kerangka teori negara Islam yang bersifat lontaran idea dan pandangan terutamanya oleh pendukung kedua-dua parti di atas dan sebilangan sarjana

jelas memperlihatkan kekeliruan dan kontroversi yang mungkin tidak ada penghujungnya. Lebih-lebih lagi ia banyak bertolak dari landasan kepentingan parti politik, yang kadang-kadang mengabaikan kersasionalan dan nilai akademik. Namun dapat dirumuskan bahawa, paling minimum Malaysia bukanlah negara sekular, sekalipun mungkin tidak dapat dikategorikan negara Islam sempurna, jika syarat dan kriteria yang lebih ketat diterima pakai. Penulis cenderung memetik pandangan Ahmad Azam Abdul Rahman, mantan Presiden ABIM, yang mengutarakan jawapan apabila ditanya, adakah Malaysia sendiri menepati prinsip negara Islam? Jawabnya, Islam itu satu proses menuju kesempurnaan. Kalau ABIM diberi pilihan, Malaysia negara Islam atau sekular, maka ABIM memilih Malaysia negara Islam. Mengapa perlu hendak diisyiharkan Malaysia sebagai negara sekular yang pastinya banyak merumitkan dari memudahkan. Secara mudah memang ada ciri-ciri yang dilaksanakan oleh kerajaan menepati kriteria Islam dan ada juga yang tidak, maka proses pemberian dan pembetulan serta kefahaman hendaklah dimantapkan dalam masyarakat dan negara.

#### RUJUKAN

- Abu Bakar Hamzah. 1970. *Ilham 13 Mei*. Kota Bharu: Ismail Enterprise.
- Abdul Manaf Ahmad. 2004. *Negara Islam: satu analisa perbandingan*. Kuala Lumpur YADIM.
- Abdul Rahman Awang. 1981. Pelaksanaan hukum-hukum Islam terhadap orang bukan Islam di Malaysia. Seminar Perundangan Islam Peringkat Kebangsaan. UKM. pada 8-10 Ogos.
- Abd. Hadi Awang. 2003. *Harakah*. 12 November.
- \_\_\_\_\_. 2003. Soal jawab mengenai negara Islam. 12 November. Taman Melewar. <http://www.parti.org/soaljawab.php>
- Ahmad Syafi'i Maa'rif. 1985. *Islam dan masalah kenegaraan: studi tentang percaturan dalam konsituante*. Jakarta LP3ES.
- AlChaidar. 2000. *Pengantar pemikiran politik proklamator negara Islam Indonesia S.W Kartosoewirjo:mengungkap manipulasi sejarah Darul Islam DI/TII semasa orde lama dan orde baru*. Jakarta: Darul Falah.
- Annual Bakri Haron dan Kamarul Zaman Yusoff. 2002. *Negara Islam: nota-nota penting buat Dr Mahathir*. Kota Bharu: Pustaka Qamar.
- Bahtiar Effendy. Islam di tengah polarisasi politik. (pnyt.) M. Amin Akkas dan Hasan M. Noer 2000. *Kehampaan spiritual masyarakat moden: response dan transformasi nilai-nilai Islam menuju masyarakat Madani*. Jakarta: Penerbit Mediacita.
- Berita Harian. Jumaat. 8hb. Julai 2005. dan Rabu 1hb. Jan. 2003.
- Buddhy Rahman Munawwar. 1999. Kata pengantar bagi buku Nurcholish. *Cita-cita politik Islam era reformasi*. (ed.) Muhammad Wahyuni Nafis. Jakarta: Paramadina.
- Faisal Othman. 2000. Jabatan Usuluddin dan Falsafah. UKM. Bangi. Temubual. 18 April.
- \_\_\_\_\_. 1997 Golongan agama pemecah umat. majalah *Massa*. 25 Oktober.
- Farish A Noor. 2004. *Islam embedded: the historical development of the Pan-Malaysia Islamic party PAS (1951-2003)*. Kuala Lumpur: MSRI.
- \_\_\_\_\_. 2001. No bated breaths for result of out-Islamising race. *Malaysiakini*. 22hb. Dis.

- Fischer Zulkarnain. 2002. Pemikiran Islam Zainal Abidin Ahmad dan relevansinya terhadap pemikiran politik Islam Indonesia 1945-2000. tesis PhD. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam. UKM. *Harakah*. 1-15 Oktober 2003.
- Hussin Mutalib. 1990. *Islam and ethnicity in Malay politics*. Singapura: Oxford University Press.
- Ismail Mohamed. 1993. Pemikiran politik Ikhwan al-Safa' Tesis PhD di Jabatan Pengajian Islam. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya.
- Kamarulnizam Abdullah. 2002. *The politics of Islam in contemporary Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarulzaman Yusoff. 2002. *Benarkah Malaysia negara Islam?; 50 Dr falsafah lawan 5 Dr falsafah lain, Amirul Mukminin Malaysia dibicarakan*. Kota Bharu: Pustaka Qamar.
- Khan, Qamaruddin. 1985. *The political thought of Ibn Taymiyah*. Islamabad: Islamic Research Institute.
- Jakarta Post*. (laporan) dipetik dari *Berita Harian*. Selasa. 31hb. Dis. 2002 dan oleh *New Straits Times* pada tarikh yang sama.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2001. *Penjelasan isu-isu semasa*. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional (M) Bhd.
- Jamal Mohd Lokman. 1999. *Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz: seorang ulama serta ahli politik Malaysia di abad ke-20*. Kuala Lumpur: Sulfa Press.
- Lukman Thaib. 1998. *Politik menurut perspektif Islam*. Kajang: Synergymate Sdn. Bhd.
- Mahathir Mohamed. 2001. Majlis Persamuan Persidangan Perwakilan ke-30 Parti Gerakan Malaysia. 29hb. September. Menara PGRM.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. 2001. Kuala Lumpur. Akademi Pengajian Islam. UM. Temubual. 18 April.
- \_\_\_\_\_. 2001. *Bidang kuasa jenayah mahkamah syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Milne, R.S. dan Mauzy, D.K. 1999. *Malaysia politics under Mahathir* Routledge: London & New York.
- Mohd Yusof Mohd Noor. 2000. Kuala Lumpur. Pejabat UMNO di PWTC. Temubual. 10hb. November.
- Mohamad Khir Toyo. 2004. Dokumen negara Islam hanya hipokrit PAS. *Al-Islam* bil. 358. Januari.
- Mohamad Shahir Abdullah. 2002. *Penjelasan ringkas: Malaysia negara Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional. Lihat juga di laman sesawang JAKIM, <http://www.islam.gov.my/portal/lihat.php?jakim=106>
- Mohd. Rumaiuzzdin Ghazali. 2004. *Sains politik Islam*. Bentong: PTS Publications & Distributors.
- Muhammad Abdul Qadir Abu Faris. 2000. *al-Fiqh al-siyasi lil Imam al-Syahid Hasan al-Banna*, terj. Mohd Zaini Yahya, *Fiqh siasah menurut Imam Syahid Hassan al-Banna*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- M. Din Syamsudin, Usaha pencarian konsep negara dalam sejarah pemikiran politik Islam, Abu Zahra (ed.). 1999 *Politik demi Tuhan: nasionalisme religius di Indonesia*. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Nagata, J. dan Matthews, B. (ed.). 1986. *Religion, values and development in Southeast Asian*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.

- Nakhaie Ahmad. 2001. Jihad guru agama dalam pembangunan Bangsa Melayu dan pembentukan negara Islam maju. Kertas kerja dibentangkan dalam Kursus Khas Perdana (Pendidikan Islam). 22hb. Mei. Kuala Lumpur.
- New Straits Times*. Mac 1997 dan 12 Okt. Jumaat, 2003.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. 2001. Kota Darul Naim. Pejabat Menteri Besar. Kota Bharu. temubual 16 Mei.
- Nurcholish Madjid. 1998. *Dialog keterbukaan: artikulasi nilai Islam dalam wacana sosial politik kontemporer* (ed.) Edy A. Effendi. Jakarta: Penerbit Paramadina.
- \_\_\_\_\_. 1992. *Islam doktrin dan peradaban*. Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina.
- \_\_\_\_\_. 1995. *Islam agama kemanusiaan: membangun tradisi dan visi baru Islam Indonesia*. Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina.
- Parti Islam SeMalaysia. 2003. *Negara Islam*. Bandar Baru Bangi: PAS.
- al-Qardawi, Yusuf. 2000. *al-Siyāsah al-syar'iyyah fi dau' nusūs al-syari'ah wa maqāsidihā*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Rauf, Muhammad Abdul. 2002. *Konsep negara Islam*, Kuala Lumpur: YADIM.
- Rosenthal, E.I.J. 1965. *Islam in the modern national state*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shafie Daud. 2000. Ucapannya yang mewakili UMNO dalam pita rakaman Debat rehearsal (olok-olok) UMNO-PAS. Putrajaya.
- Shukri Mohamad. 2002. *Negara Islam Malaysia: satu huraihan ilmiah*. Kertas kerja dipetik dari <http://darulnaim.com/content/view/33/2/>.
- Tarmizi Mohd. Jam (ed.). 1994. *Krisis hudud di Kelantan UMNO terperangkap*. Kuala Lumpur: Rangkaian Minda Publishing.
- Utusan Malaysia*. 24 Ogos 1998; 20hb. Sept. 1985. *Mingguan Malaysia*. 8 Julai. 2001
- Wan Zahidi Wan Teh. 2000. Malaysia daulah Islamiah. Kertas kerja dibentangkan sempena perjumpaan YAB Perdana Menteri bersama Pegawai-pegawai Agama Islam seluruh Malaysia. Anjuran JAKIM. 28-29hb. Ogos. Putrajaya.
- Yusril Ihza Mahendra. 1989. Harun Nasution dan pemikiran politik Islam, dalam *Refleksi pembaharuan pemikiran Islam: 70 tahun Harun Nasution*. Jakarta: Panitia Lembaga Studi Agama dan Filsafat.
- Zainal Abidin Ahmad. 1955. *Membentuk negara Islam*. Jakarta: Penerbit Wijaya.
- \_\_\_\_\_. 1977. *Ilmu politik Islam: konsepsi politik dan ideologi Islam*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Zallum, Abdul Qadi'm. 2002. *Sistem pemerintahan Islam*. trj. *Nizām al-hukm fi al-Islām*. Drs. M Maghfur W Bangil: Al-Izzah.

